

01 MAY 1997

Megat-Polis

CALON DICARI UNTUK UNIT JENAYAH KOMPUTER POLIS

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang mencari calon-calon yang sesuai untuk berkhidmat sebagai anggota beruniform dalam Unit Khas Jenayah Komputer yang akan ditubuhkan tidak lama lagi, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob hari ini.

Katanya penubuhan unit itu yang selaras dengan perkembangan pesat teknologi maklumat di negara ini, sedang diteliti bagi memastikan ia berupaya menangani jenayah komputer, termasuk daripada segi penguatkuasaan dan pendakwaan.

"Kita sedang mencari pakar-pakar (dalam bidang komputer) untuk menyertai PDRM. Di samping itu, kita juga sedang mencari graduan daripada institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara yang berminat untuk menyertai PDRM supaya kita boleh latih mereka (dalam bidang komputer) untuk memenuhi keperluan semasa," katanya ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas bagi lawatan ke tiga negara Afrika.

Semalam, ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 di Dewan Rakyat, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie berkata, polis akan menubuhkan unit khas yang dianggotai pegawai berpengetahuan dalam bidang komputer untuk menyasiat kes mengikut akta itu.

Selain rang undang-undang itu yang telahpun diluluskan Dewan Rakyat, undang-undang siber lain yang sudah dibentangkan ialah Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997 (bacaan kali kedua), Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 (bacaan kali pertama) dan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1997 (bacaan kali pertama).

Megat Junid berkata pengambilan pegawai-pegawai berpengetahuan komputer penting bagi membolehkan PDRM benar-benar bersedia menangani jenayah lebih rumit, terutama jenayah perdagangan menerusi komputer, dengan terciptanya pelbagai peralatan canggih hasil kemajuan teknologi maklumat.

Katanya pegawai yang dilantik akan dihantar berkursus dalam dan luar negara bagi memahami selok-belok jenayah komputer supaya PDRM mampu mengesan penjenayah teknologi maklumat itu dan seterusnya mengemukakan pendakwaan yang kukuh.

"Proses mempertingkatkan keupayaan PDRM ini juga sering dibangkitkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri," katanya.

Katanya Dr Mahathir mahu PDRM sentiasa berusaha mempertingkatkan keupayaan pegawai dan anggotanya bagi menghadapi perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat.

"Kita juga dari semasa ke semasa akan membekalkan PDRM dengan peralatan canggih yang diperlukan bagi meningkatkan keupayaan," katanya. -- BERNAMA

AH MAI